# Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 15/1977

## Indeks Lot-lot (Disemak 2009)

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**
**PUTRAJAYA**

**© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

| | |
|---|---|
| Tajuk dokumen | Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 15/1977 |
| Disediakan oleh | Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan,<br>Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan,<br>Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan |
| Alamat | Aras 4, Blok Menara,<br>Wisma Sumber Asli,<br>Presint 4,<br>No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4<br>Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,<br>62574 Kuala Lumpur |
| Telefon | 03-88712668 |
| Faks | 03-88810802 |
| E-mel | skpp@kptg.gov.my |
| Kategori dokumen | Terbuka |
| Tarikh kuat kuasa | 1 Januari 2010 |

**Kawalan Versi Dokumen**

| Versi | Tarikh | Ringkasan Pindaan |
|---|---|---|
| 1 | 1/1/2010 | — |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**
**Bilangan 15/1977**

Indeks Lot-lot (Disemak 2009)

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pentadbir Tanah mengenai keperluan untuk menyenggara rekod 'Indeks Lot-lot'.

2. Amalan di beberapa pejabat tanah, rekod 'Indeks Lot-lot' ini memang diselenggarakan untuk setiap mukim, pekan dan bandar dan mengandungi butir-butir seperti berikut:–

| **No. Lot** | **Hakmilik dan Lain-lain** |
|---|---|
| 226 | E126, E1,520; S.L. |
| 227 | M.C. 126, M.L.400; S.L.; E1,200. |
| 228 | G.456 C.T.1,200. |
| 229 | E200; dipecahkan kepada lot-lot 1,231 dan 1,232. |
| 230 | E210; S.L.; rizab no. Warta 2400/25. |
| 231 | E 250; dimasukkan ke dalam Lot 1,240. |

3. Penyelenggaraan rekod ini dengan mengisikan butir-butir seperti di atas hendaklah diteruskan oleh sebab perlunya diadakan rujukan kepada sejarah hakmilik bagi setiap lot dan kedudukan lot itu pada sesuatu masa (sama ada tanah milik, rizab atau tanah kerajaan). Cacatan-cacatan ke dalam rekod ini hendaklah dibuat sebaik sahaja hakmilik didaftarkan, pemberitahu perizaban disiarkan, dan perkembalian tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri berikutan daripada rampasan, penyerahan balik, pengambilan balik, kemaraan laut atau sungai dikuatkuasakan.

4. Pentadbir Tanah adalah dengan ini dinasihatkan supaya menyenggara rekod Indeks Lot untuk setiap mukim, bandar atau pekan sebagaimana yang diterangkan di atas dalam buku rekod.

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**